



SIARAN MEDIA

PANGGILAN PERMOHONAN DANA BAGI PROGRAM MALAYSIA SOCIAL INNOVATION (MySI)

3 Mei 2019, Putrajaya - Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah membuka tawaran permohonan dana Program Malaysia Social Innovation (MySI) 2019 kepada semua Agensi/Syarikat Berkaitan Kerajaan yang berada di bawah semua Kementerian. Dana yang berjumlah RM5 juta ini boleh dimohon mulai dari 1 hingga 31 Mei 2019.

Dana ini sebelumnya dikenali sebagai Program MOSTI Social Innovation (MSI) sejak 2016 dan hanya terbuka kepada agensi-agensi di bawah MESTECC. Dijenamakan kepada Malaysia Social Innovation (MySI), Dana MySI ini merupakan salah satu daripada 73 inisiatif MESTECC 2019, “**KUASAI. LAKSANA. UNGGULI**” yang diumumkan oleh MESTECC pada bulan Januari 2019.

Tujuan dana dan program ini adalah bagi **meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat dengan keutamaan kepada golongan B40 melalui pelaksanaan projek aplikasi teknologi R&D tempatan berinovatif** yang telah dibangunkan dan sedia dilaksanakan secara mampan. Sehingga akhir 2018, **sebanyak 109 projek telah dibiayai** melalui program MSI dengan **lebih kurang 45,000 penerima manfaat** sama ada secara langsung dan tidak langsung.

Secara terperinci, pada tahun 2019, terdapat lima (5) bidang keutamaan bagi pelaksanaan projek MySI iaitu Ekonomi (Pertanian, Perikanan dan Penternakan), Teknologi Hijau, Mesra Alam, Kesihatan dan Keselamatan.

Maklumat lanjut mengenai program dan borang permohonan boleh diperolehi menerusi laman web MESTECC iaitu di www.mestecc.gov.my.

YB Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim berkata: “Program MySI ini merupakan satu daripada sumbangan kementerian yang boleh dibanggakan kerana dana yang diperuntukkan secara langsung dapat dirasakan oleh komuniti yang menerima manfaat. Saya ingin menyeru kepada pemohon Dana MySI untuk menggunakan peluang ini dengan sebaik-baiknya bagi membantu kumpulan sasaran seperti orang kurang upaya, ibu/bapa tunggal, warga emas, penganggur, peladang dan penternak. Kesan daripada pelaksanaan projek dapat menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat menerusi aspek peningkatan produktiviti dan peningkatan pendapatan serta dapat mewujudkan peluang pekerjaan baharu kepada mereka.”

Antara projek MSI yang berjaya ialah Projek Bekalan Air Bersih untuk Komuniti Kg. Rumindako Kiulu, Tamparuli, Sabah dengan Menggunakan Teknologi Membran Portable Drinking Water Filtration System (Pahlawan Tuah2000) iaitu hasil R&D oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Sabah. Projek yang dilaksanakan oleh Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) ini membekalkan air bersih sebanyak 2,000 liter/jam untuk kegunaan penduduk di Kg. Rumindako Kiulu, Tamparuli. Projek ini telah memanfaatkan 1,800 penerima dan menjimatkan kos bekalan air kepada 200 isi rumah dengan anggaran penggunaan air setahun RM240.00/seisi rumah (RM20.00/sebulan).

Projek lain ialah Peningkatan Pendapatan Komuniti Petani/Penternak Melalui Teknologi Silaj dan Oligokitosan di Kedah. Projek yang dilaksanakan oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia (ANM) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) ini bertujuan meningkatkan pendapatan petani dan penternak sekitar Jerlun, Kedah melalui teknologi silaj jagung yang diperkayakan dengan oligokitosan. Oligokitosan berfungsi sebagai bahan tambahan untuk meningkatkan penghadaman, meningkatkan sel darah, meningkatkan sumber nitrogen dan meningkatkan kualiti susu haiwan ternakan. Projek ini memberi manfaat kepada 140 penerima Koperasi Asas Tani Kedah di Kg. Pering, Jerlun, Kedah dengan meningkatkan penghasilan produk silaj daripada 20 tan/bulan kepada 100 tan/bulan.

Berikut adalah pautan video projek-projek MSI yang berjaya untuk rujukan pihak media:

1. Projek oleh MTDC, MSI 16043 - Projek bekalan air bersih untuk komuniti Kg. Rumindako Kiulu, Tamparuli, Sabah dengan menggunakan teknologi membran portable drinking water filtration system (Pahlawan Tuah2000) - Hasil R&D oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM):
<https://drive.google.com/open?id=1QytdfrmTbJD4T2fQS4ES7NpDyq6Azo9W>
2. Projek oleh MTDC, MSI 16035 - Program Kesedaran Keusahawanan dan Ekonomi Pertanian Untuk Membantu Mahasiswa Universiti Utara Malaysia Melalui Projek Tanaman Cendawan Kukur – Hasil R&D Oleh MARDI:
https://drive.google.com/open?id=1QdmhkEUIHkYb2iPHuSnauOF1icgaNf_L
3. Projek oleh Bioeconomy, MSI 16030 - Program Pembangunan Bioekonomi Komuniti (BCDP) - Projek Akuakultur Rumpai Laut:
<https://drive.google.com/open?id=1FZogk9uS24q-AmfSzySH8T64xfWt2QBq>
4. Projek oleh Bioeconomy, MSI 16031 - Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) - Projek Penanaman Cendawan Tiram Secara Komersil di Nilai, Negeri Sembilan:
https://drive.google.com/open?id=1jb_7AdQIKuzzdF-S2Az28n8nEaUXGX8S
5. Projek oleh Bioeconomy, MSI 16032 - Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) Projek Penanaman Herba Kacip Fatimah:
<https://drive.google.com/open?id=1ojEnKRg2woM3rw8IHZt0HpbMTu2ODJU5>
6. Projek oleh ANM, MSI 16007 - Kemudahan berteknologi rumah pengeluaran benih cendawan Volvariella (High-Tech Facilities for Production House of Volvariella Mushroom Spawn):
<https://drive.google.com/open?id=19mDGMVrGjpCeUu5n-EEWsGF5kQqvLPaQ>

-TAMAT-

Maklumat lanjut, sila hubungi:

Akmal Tujad
Pegawai Perhubungan Awam (Kanan)
Unit Komunikasi Korporat
MESTECC
03 - 8885 8299

Maklumat Tambahan

1. Syarat-syarat lain yang diperlukan bagi memohon program MySI ini.

- Program MySI boleh dimohon oleh semua Agensi/Syarikat Berkaitan Kerajaan dan pemohon boleh melaksanakan projek secara sendiri atau bekerjasama (*collaborate*) dengan mana-mana entiti yang bersesuaian seperti yang berikut:
 - i. Jabatan/ Agensi Kerajaan berkaitan (persekutuan/ negeri/ daerah);
 - ii. Pertubuhan/ Persatuan yang berdaftar dengan Kerajaan (contoh: Koperasi, NGO);
 - iii. Syarikat Berkaitan Kerajaan (contoh: GLC, CLG)
- HANYA projek Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) sahaja yang dibenarkan. Projek tersebut perlu mempunyai elemen inovatif yang menjurus kepada aplikasi teknologi R&D tempatan berinovatif yang telah dibangunkan dan sedia ada.
- Projek yang dijalankan perlu sesuai dengan sumber sedia ada selain mengambil kira kesesuaian lokasi, infrastruktur, bentuk muka bumi dan lain-lain.
- Penerima langsung (direct recipients) faedah hendaklah terdiri daripada komuniti dengan KEUTAMAAN kepada golongan B40 (miskin bandar dan luar bandar). Jumlah penerima faedah bagi setiap projek yang dimohon hendaklah tidak kurang daripada 100 orang.
- Projek MESTI dilaksanakan di Malaysia.

2. Peruntukan yang akan diberikan bagi setiap pemohon projek dan tempoh masa pelaksanaan projek.

- Kuantum maksimum (per projek) adalah sebanyak RM300,000.00
- Tempoh maksimum pelaksanaan projek selama 12 bulan.

3. Lima (5) bidang yang diutamakan dalam permohonan Program MySI adalah seperti yang berikut:

i. Ekonomi

Menumpukan kepada sektor pertanian, perikanan dan penternakan sahaja yang melibatkan petani, nelayan kecil dan penternak.

ii. Teknologi Hijau

Teknologi yang menggunakan sumber tenaga alam semula jadi. (Sebagai contoh, pemasangan solar panel di pusat tumpuan masyarakat yang dapat mengurangkan kos bil elektrik disamping menjana pendapatan dari segi penjualan sumber tenaga tersebut.)

iii. Mesra Alam

Menggunakan sumber/teknologi yang dapat mengurangkan pencemaran dan kemusnahan terhadap alam sekitar. (Sebagai contoh, sumber/ teknologi yang dapat mengurangkan penggunaan plastik dan sisa pepejal.)

iv. Kesihatan

Teknologi yang dapat meningkatkan taraf kesihatan dan kesejahteraan penerima faedah. (Sebagai contoh, teknologi bekalan air bersih dan terawat kepada masyarakat setempat yang tidak memperolehi bekalan daripada syarikat bekalan air.)

v. Keselamatan

Teknologi yang dapat meningkatkan taraf keselamatan dan keamanan penerima faedah. (Sebagai contoh, pembangunan sistem amaran ribut dan banjir di kawasan-kawasan yang kerap dilanda bencana.)

4. Kriteria yang dipertimbangkan dalam permohonan Program MySI ialah:

i. Teknologi Sedia Ada

- Teknologi yang dicadangkan BUKAN prototype dan BUKAN peringkat R&D.
- Teknologi MESTI terdiri daripada teknologi tempatan atau teknologi telah tersedia di pasaran dan tidak melibatkan perolehan luar negeri.

ii. Dinikmati Ramai

- Setiap projek hendaklah **sekurang-kurangnya 100 orang penerima faedah secara langsung dan tidak langsung.**

iii. Kos Rendah

- Kos pelaksanaan dan kos penyelenggaraan yang **minimum.**

iv. Boleh Dilaksanakan Dalam Masa Yang Singkat (*Fast Execution*)

- Projek yang dicadangkan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh maksimum **12 bulan.**

iii. Berimpak Tinggi

- Projek yang dicadangkan menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat menerusi aspek:
 - **Meningkatkan produktiviti;**
 - **Meningkatkan pendapatan komuniti terlibat; dan**
 - **Mewujudkan peluang pekerjaan baharu.**

iv. Mampan

- Projek yang dicadangkan hendaklah mampu untuk berkembang serta mempunyai pelan perniagaan/pelan Exit yang jelas untuk menampung kelestarian projek.

5. Cerita kejayaan atau pencapaian yang telah dicapai MSI sebelum ini

Sebanyak 109 projek MSI telah dilaksanakan daripada tahun 2016 sehingga 2018 dengan RM33.19 juta telah disalurkan. Beberapa projek yang telah berjaya dilaksanakan ialah:

- i. Projek Bekalan Air Bersih Untuk Komuniti Kg. Rumindako Kiulu, Tamparuli, Sabah Dengan Menggunakan Teknologi Membran *Portable Drinking Water Filtration System* (Pahlawan Tuah2000) - Hasil R&D oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Sabah:
 - Projek ini dilaksanakan oleh Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dengan bertujuan membekalkan air bersih sebanyak 2,000 liter/jam untuk kegunaan penduduk di Kg. Rumindako Kiulu, Tamparuli menggunakan teknologi membran *portable drinking water filtration system* (Pahlawan Tuah2000) yang dihasilkan melalui penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
 - Projek ini memberi manfaat kepada 1,800 penerima di Kg. Rumindako Kiulu, Tamparuli, Sabah dan mampu menjimatkan kos bekalan air kepada 200 isi rumah dengan anggaran penggunaan air setahun RM240.00/seisi rumah (RM20.00/sebulan).
- ii. Projek Peningkatan Pendapatan Komuniti Petani/Penternak Melalui Teknologi Silaj dan Oligokitosan di Kedah:
 - Projek ini dilaksanakan oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia (ANM) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Projek ini bertujuan meningkatkan pendapatan petani dan penternak sekitar Jerlun, Kedah melalui teknologi silaj jagung yang diperkayakan dengan oligokitosan. Oligokitosan berfungsi sebagai bahan tambahan untuk meningkatkan penghadaman, meningkatkan sel darah, meningkatkan sumber nitrogen dan meningkatkan kualiti susu haiwan ternakan.
 - Projek ini memberi manfaat kepada 140 penerima Koperasi Asas Tani Kedah di Kg. Pering, Jerlun, Kedah dengan meningkatkan penghasilan produk silaj daripada 20 tan/bulan kepada 100 tan/bulan.
- iii. Projek Kemudahan Berteknologi Rumah Pengeluaran Benih Cendawan *Volvariella* (High-Tech Facilities for Production House of *Volvariella* Mushroom Spawn) di Kedah
 - Projek ini dilaksanakan oleh Agensi Nuklear Malaysia (ANM) dengan kerjasama Jabatan Pertanian bertujuan membangunkan kemudahan berteknologi tinggi bagi penghasilan benih *Volvariella* yang berfungsi sebagai pusat pengeluaran benih cendawan *Volvariella* dan sebagai pusat latihan benih cendawan.

- Projek ini memberi manfaat kepada 96 penerima Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kg. Padang Nyior dengan kemahiran menghasilkan benih dan menanam cendawan menggunakan tandan kelapa sawit. Produk hiliran hasil penanaman cendawan juga dihasilkan seperti sos, serunding dan jeruk.